



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
SNOOKER BERPASUKAN



1. **PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

1.1. Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2. PERATURAN AM

- 2.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan akan dijalankan mengikut Peraturan Pertandingan yang merujuk kepada '***Snooker Rules Outlines***' seperti di lampiran Sekiranya, timbul perselisihan dari segi penafsiranya, undang-undang dalam yang terkini akan dipatuhi.
- 2.2. Segala kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
- 2.2.1. Sebarang kejadian perkara – perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola
- 2.2.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 2.3. Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini
- 2.4. Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am **KARNIVAL SUKAN DVS**
- 2.5. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**

3. PENDAFTARAN DAN YURAN PENYERTAAN

- 3.1. Setiap penyertaan terbuka kepada peserta lelaki atau wanita. Setiap pasukan perlu mendaftar tidak melebihi Lima (5) Orang Pemain yang akan bermain dalam tiga kategori, iaitu **satu (1) kategori perseorangan terbuka, satu (1) kategori perseorangan veteran, dan satu (1) kategori bergu terbuka** termasuk seorang Pengurus/Jurulatih.
- 3.2. Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola
- 3.3. Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4. Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5. Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara11**

4. CARA PERMAINAN

- 4.1. Kejohanan ini dijalankan mengikut kategori.
- 4.2. Pertandingan adalah berdasarkan kepada "**Best of 3 set**" bagi semua kategori.
- 4.3. Seorang pemain hanya boleh bermain **SEKALI SAHAJA** dalam **SATU KATEGORI SAHAJA** iaitu samada perseorangan atau beregu.
- 4.4. Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan secara undian bagi menentukan kedudukan pasukan.
- 4.5. Semua perlawanan kumpulan diadakan secara liga.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SNOOKER BERPASUKAN

- 4.6. Perlawanan peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir secara kalah mati.
- 4.7. Kedudukan dalam kumpulan adalah berdasarkan kiraan mata.

5. TEMPAT DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 5.1. Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan Jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola “**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN DVS**”.
- 5.2. Tempat dan Tarikh permainan akan diberitahu kemudian oleh Jawatankuasa Pengelola Jawatankuasa Pengelola “**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN DVS**”.
- 5.3. Segala peralatan pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 5.4. Susunan perlawanan sepanjang kejohanan adalah seperti berikut:
 - 5.4.1. **Perseorangan Terbuka**
 - 5.4.2. **Perseorangan Veteran**
 - 5.4.3. **Bergu Terbuka**

6. BORANG PENDAFTARAN SEBELUM BERMAIN

- 6.1. Borang pendaftaran nama pemain hendaklah diserahkan kepada urusetia pertandingan 15 minit sebelum sesuatu perlawanan dijalankan, menggunakan borang yang disediakan

7. PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN

- 7.1. Pemberian mata adalah berdasarkan kepada tamat permainan seperti berikut:
 - 7.1.1. **Menang - 1 mata**
 - 7.1.2. **Kalah - 0 mata**
- 7.2. Sekiranya terdapat jumlah mata yang sama, maka kaedah berikut akan digunakan untuk menentukan pemenang
 - 7.2.1. **Jumlah set menang terbanyak bagi semua pertandingan ; JIKA SERI**
 - 7.2.2. **Jumlah set kalah terendah semua pertandingan; JIKA MASIH SERI**
 - 7.2.3. **Nisbah set**

8. PERTUKARAN PEMAIN

- 8.1. Pertukaran pemain hendaklah dibuat sebelum mula perlawanan
- 8.2. Pertukaran pemain tidak boleh dibuat semasa perlawanan sedang dijalankan

9. KEMENANGAN TANPA PERLAWANAN

- 9.1. Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan jika lawannya didapati melakukan kesalahan seperti berikut:-
 - 9.2. Menyenaraikan pemain yang tidak didaftarkan.
 - 9.3. Menyenaraikan pemain lebih dari 1 kategori
 - 9.4. Gagal berada di gelanggang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.
 - 9.5. Tidak mahu meneruskan perlawanan.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SNOOKER BERPASUKAN

10. WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

- 10.1. Waktu bermula sesuatu perlawanannya adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN ATAU JAWATANKUASA PENGELOLA**.

11. LARANGAN

- 11.1. Peserta-peserta adalah dilarang dari merokok, minum minuman keras atau dibawah pengaruh alkohol semasa pertandingan berlangsung.
- 11.2. Sekiranya didapati ada peserta yang melanggar peraturan ini, beliau akan diarah supaya berhenti dari pertandingan ini.
- 11.3. Sekiranya berlaku perkara seperti ini, Pengurus Pertandingan harus membawa kes ini kepada Jawatankuasa Tatatertib supaya peserta ini digantung dari seluruh pertandingan. Beliau juga akan dikenakan tindakan disiplin lain yang dianggap sesuai.
- 11.4. Minuman bukan alkohol adalah dibenarkan.
- 11.5. Minuman dan tepung serta sebagainya tidak boleh ditinggalkan di atas meja konsole.
- 11.6. Sebarang bentuk pertaruhan/judi adalah dilarang. Tindakan susulan seperti di Peraturan Am Perkara 24 akan dikuatkuasakan.
- 11.7. Pengurus/ Pemain tidak dibenar mengganggu pasukan lain yang bertanding.

12. PAKAIAN

- 12.1. Semua Pasukan/Peserta mesti memakai pakaian seragam.
- 12.2. Peserta-peserta dikehendaki memakai sekurangnya baju t brkolar, dan seluar panjang (slack).
- 12.3. Skirt, seluar pendek, jeans, track bottom dan t-shirt kolar bulat tidak dibenarkan.

13. PENGADIL

- 13.1. Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada **PERATURAN AM**.
- 13.2. 13.2 Laporan perlawanannya akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanannya dijalankan dan diserahkan kepada **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**.

14. DISIPLIN

- 14.1. Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanannya terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpaduan kepada laporan pegawai perlawanannya dan pengadil perlawanannya.
- 14.2. Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam **PERATURAN AM**

15. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI /MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 15.1. Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

16. JAWATANKUASA TATATERIB / JURIRAYUAN

- 16.1. Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SNOOKER BERPASUKAN

17. JADUAL PERLAWANAN

- 17.1. Jawatankuasa Pengelolaan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan **TIDAK DIBENARKAN** meminda mana-mana jadual perlawanan.

18. UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

- 18.1. Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara12

19. PEGAWAI YANG DIHUBUNGKI

Nama	:	Mohammad Ariff Bin Badrul Aziz
Jawatan	:	Pegawai Penyelaras Snooker Berpasukan
No. H/P	:	017 – 205 4058
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	
Jawatan	:	Penolong Penyelaras Snooker Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	